



Sifat Mazmumah yang Perlu dijauhi oleh Staf Akademik UiTM Pahang: Fokus Pengajaran ‘Al-Aktsariyyah’ di dalam Al-Quran

Saiful Johari Musahar
Mohd Kamal Azman Jusoh

ABSTRAK

Arus perkembangan kehidupan masyarakat Islam sekarang menampakkan kecenderungan masyarakat mengikut hawa nafsu. Perkembangan negatif ini berlaku sama ada di luar mahupun di dalam menara gading. Ia mendedahkan satu situasi yang menarik kepada penulis untuk menilai dan meneliti perkataan banyak (*Kathara secara umum*) yang terdapat di dalam al-Quran. Berdasarkan kajian, terdapat sebanyak 89 ayat dan terdapat 90 tempat pengulangan perkataan banyak di dalam al-Quran yang menerangkan majoriti manusia mudah terpengaruh dengan pengaruh-pengaruh negatif. Allah SWT telah menerangkan kepada manusia beberapa sifat negatif yang selalu dilakukan oleh manusia. Fenomena banyak atau popular dalam apa jua keadaan belum tentu menunjukkan perkara yang positif berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk yang diambil dari al-Quran. Fokus utama tulisan ini untuk mengajak semua staf akademik supaya berhati-hati dengan sifat-sifat buruk yang telah dinyatakan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran. Kupasan dari tulisan ini boleh dijadikan sebagai panduan dan landasan untuk perkembangan nilai kerohanian di kalangan staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang khasnya dan UiTM seluruh cawangan secara amnya yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran. Kefahaman tentang pengajaran dan pembelajaran dari al-Quran sudah tentu akan memberi impak yang positif ke arah pemantapan dan kecemerlangan akademik yang bertunjangkan kepada aqidah Islam.

Kata kunci : *Sifat mazmumah, pengajaran “al-Aktsariyyah”, al-Quran*

Pendahuluan

Untuk mencapai kecemerlangan akademik, ia tidak hanya melibatkan usaha serta faktor peribadi daripada pelajar semata-mata. Malahan usaha daripada kalangan pensyarah dan faktor persekitaran turut memberi sumbangan yang besar ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang. Oleh itu pensyarah sendiri perlu mempunyai sifat-sifat mahmudah dan menjauhi yang mazmumah dalam tugasannya sehari-hari.

Mengikut Mohammad Shatar et al. (2006:5), pegangan agama yang kuat atau pegangan aqidah yang mantap adalah ciri pertama untuk melahirkan graduan yang cemerlang, di samping ciri-ciri yang lain seperti pemurah ilmu, berfikiran terbuka, bertanggungjawab, menepati masa dan kreatif.

Sudah menjadi lumrah kehidupan untuk menjadi pendidik yang cemerlang perlu melaksanakan yang makruf dan mencegah yang mungkar, begitu juga sifat yang ada di dalam diri, perlu ada sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah. Tulisan ini memfokuskan kepada sifat-sifat mazmumah yang perlu dijauhi oleh pendidik berkaitan dengan “al-Aktsariyyah” yang terdapat di dalam al-Quran.

Pengenalan Al-Aktsariyyah (Majoriti)

Al-Akhtars berasal dari perkataan dasar (*mufrad*) كثُر bermaksud ramai dan banyak. Berdasarkan kata dasar *mufrad* ini lahirlah perkataan yang membawa maksud majoriti iaitu perkataan (الأكثرية / الأغلبية) dan kadang-kadang membawa maksud kelebihan yang banyak (*al-Mu'jam al-Wasiit*: 2/777).

Apa yang menarik untuk dibincangkan di sini ialah al-Quran menerangkan konsep majoriti yang sedikit pun tidak menunjukkan makna yang positif. Penggunaan perkataan yang menunjukkan golongan majoriti dalam al-Quran telah disebut berulang kali iaitu sebanyak 82 kali di dalam 81 ayat al-Quran. Dalam pengulangan perkataan tersebut, al-Quran menerangkan kepada kita bahawa selalunya golongan majoriti manusia suka melakukan kemungkaran terhadap penciptanya iaitu Allah yang Maha Perkasa (*al-Mu'jam al-Mufahras li alfaaz al-Quran al-Karim*:758-759)

Jelasnya, kita sebagai seorang manusia perlu berhati-hati dengan pandangan dan sikap yang mewakili golongan majoriti kerana pandangan dan sikap mereka tidak selalunya betul dan perlu diikuti, lebih-lebih lagi apabila pandangan dan sikap mereka itu bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad s.a.w.

Sifat Aktsariyyah (Majoriti) dalam Islam

Sesungguhnya di sisi manusia memang terdapat pelbagai cara atau jalan untuk menentukan apa yang baik dan apa yang buruk. Di antara jalan-jalan ini, yang mana satukah yang betul? Bagi seorang muslim dan mukmin, jalan tersebut ialah jalan Islam dan bukan jalan-jalan yang lain. Ini telah diingatkan oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya:

“Dan bahawa (yang kami perintahkan) ini adalah jalan-Ku yang lurus, maka ikutilah dia; dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itu Allah perintahkan kamu, agar kamu bertaqwa.”

(al-An'am 6:153)

Sehubungan dengan ayat di atas, dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam Musnadnya, hadis nombor: 4142 dengan sanad yang dinilai *hasan* oleh Syaikh Syu'aib al-Arna'uth, 'Abd Allah bin Mas'ud *radhiallahu 'anh* menerangkan, maksudnya:

(Pada suatu ketika) Rasulullah shalallahu 'alaihi wasallam menggariskan kepada kami satu garisan lalu bersabda: “Inilah jalan Allah.” Kemudian baginda menggariskan beberapa garisan di sebelah kanannya dan di sebelah kirinya lalu bersabda: “Inilah jalan-jalan yang pada setiap jalan ada satu syaitan yang menyeru kepada jalan tersebut.”

Kemudian baginda membacakan ayat:

“Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (Agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah.”

Di antara jalan yang mencerai-beraikan umat Islam daripada jalan Allah ialah menggunakan jalan lain, seperti kesepakatan orang ramai, untuk menentukan moral yang baik atau buruk. Jalan ini bukan sahaja menyimpang daripada jalan Islam, tetapi juga telah dikenal pasti oleh Islam sebagai satu jalan yang tidak mampu membawa manusia ke arah kebaikan yang hakiki, malah boleh menjurus ke arah keburukan dan kerosakan.

Ini adalah kerana, majoriti manusia menentukan sesuatu kebaikan atau keburukan berdasarkan sangkaan dan hawa nafsu, bukan pengetahuan yang sebenar. Perkara ini dikhabarkan oleh yang mencipta manusia itu sendiri, Allah s.w.t. dalam firmanNya:

“Dan kebanyakan mereka tidak mengikuti kecuali persangkaan sahaja, sesungguhnya persangkaan itu tidak sedikitpun berguna untuk mencapai kebenaran. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang mereka kerjakan.”

(Yunus 10:36)

Allah s.w.t. juga berfirman:

“Dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia-lah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas.”

(al-An'am 6:119)

Menggunakan hawa nafsu sebagai pedoman dalam menentukan yang baik atau buruk tidak akan membawa manusia ke arah destinasi kebaikan yang hakiki. Ini kerana hawa nafsu itu adalah sumber kerosakan bagi manusia dan segala yang ada:

“Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahanatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu (maka terselamatlah dia dari hasutan nafsu itu).”

(Yusuf 12:53)

Allah s.w.t. juga berfirman :

“Dan kalaular kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang ada.”

(al-Mukminun 23:71)

Atas sebab-sebab di ataslah Allah s.w.t. mengingatkan kita umat Islam agar tidak mengikuti jalan yang ditempuh oleh majoriti manusia yang tidak berpaksikan asas yang sebenar. Kecenderungan majoriti manusia kepada sangkaan dan hawa nafsu akan menyesatkan kita daripada jalan Allah. Oleh itu semua staf di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang secara umum dan staf akademik secara khusus perlu berwaspada dengan perlakuan seharian agar tidak termasuk ke dalam golongan yang berpaksikan hawa nafsu semata-mata.

Allah s.w.t. berfirman :

"Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah."

(al-An'am 6:116)

Sifat-Sifat Mazmumah (Aktsariyyah) Yang Perlu Dihindari Oleh Staf Akademik UiTM Pahang

Al-Quran telah menjelaskan beberapa sifat atau kriteria golongan majoriti yang perlu kita teliti bersama-sama, semoga dengan ini kita dilindungi oleh Allah dari terpengaruh dengan golongan majoriti yang banyak melakukan kemungkar dan kemaksiatan terhadap Allah s.w.t. Antaranya ialah :

- i. Mereka yang tidak mensyukuri nikmat Allah s.w.t. Al-Quran telah menyebut 5 kali tentang sifat golongan majoriti ini yang kufur kepada Allah Ta'ala dan enggan untuk mensyukuriNya sedangkan Dia adalah Tuhan yang memberi segala nikmat yang tidak terhitung banyaknya.

Firman Allah s.w.t. :

"Tidakkah engkau ketahui (wahai Muhammad) tentang orang-orang yang keluar melarikan diri dari kampung halaman mereka kerana takutkan mati, sedang mereka beribu-ribu ramainya? Maka Allah berfirman kepada mereka: matilah kamu, kemudian Allah menghidupkan mereka. Sesungguhnya Allah sentiasa melimpah-limpah kurniannya kepada manusia seluruhnya, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur."

(al-Baqarah 2:243)

Sehubungan dengan ayat di atas, Imam Ibn Kathir menjelaskan majoriti manusia kebanyakannya bersikap tidak bersyukur, bermaksud tidak bersyukur dengan nikmat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka sama ada dalam urusan agama mahupun urusan dunia mereka (al-Quran al-'Azim 1:661).

- ii. Mereka yang jahil agama dan tidak mahu berusaha untuk mengenal Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Al-Quran telah menyebut 25 kali tentang sifat golongan majoriti ini dengan pelbagai gaya bahasa.

Firman Allah s.w.t. :

"Mereka menanyakan kepadamu tentang kiamat: "Bilakah terjadinya?" Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan tentang kiamat itu adalah pada sisi Tuhanmu; tidak seorangpun yang dapat menjelaskan waktu kedatangannya selain Dia. kiamat itu amat berat (huru haranya bagi makhluk) yang di langit dan di bumi. Kiamat itu tidak akan datang kepadamu melainkan dengan tiba-tiba". Mereka bertanya kepadamu seakan-akan kamu benar-benar mengetahuinya. Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan tentang hari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."

(al-A'raf 7 : 187)

- iii. Mereka yang tidak mahu beriman kepada Allah dan juga segala prinsip kebenaran yang telah ditetapkan oleh Allah dan para rasulNya. Al-Quran telah menyebut 13 kali tentang sikap golongan ini yang ingkar untuk beriman dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

"Apakah (orang-orang kafir itu sama dengan) orang-orang yang ada mempunyai bukti yang nyata (Al Quran) dari Tuhanmu, dan diikuti pula oleh seorang saksi (Muhammad) dari Allah dan sebelum Al Quran itu telah ada kitab Musa yang menjadi pedoman dan rahmat? Mereka itu beriman kepada Al Quran dan barangsiapa di antara mereka (orang-orang Quraisy) dan sekutu-sekutunya yang kafir kepada Al Quran, maka nerakalah tempat yang diancamkan baginya. Kerana itu janganlah kamu ragu-ragu terhadap Al Quran itu. Sesungguhnya (Al Quran) itu benar-benar dari Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman."

(Huud 11: 17)

Ditafsirkan saksi dalam ayat di atas ialah Jibril a.s. Ada pula yang menafsirkan bahawa yang dimaksud dengan saksi di sini ialah Al Quran itu sendiri kerana Al Quran itu adalah suatu mukjizat yang tidak dapat dibantah atau dibatalkan.

- iv. Mereka yang jahil dengan takdir Allah s.w.t. Mereka ini adalah golongan musyrikin yang menyangka keputusan mereka hendak beriman dengan Allah atau tidak itu adalah keputusan mereka, sedangkan keputusan untuk memberi hidayah itu adalah hak mutlak Allah s.w.t. Sikap golongan majoriti sebegini telah pun disebut dalam al-Quran pada surah al-An'aam ayat ke 111.

"Kalaupun sekiranya kami turunkan malaikat kepada mereka, dan orang-orang yang telah mati berbicara dengan mereka dan kami kumpulkan (pula) segala sesuatu ke hadapan mereka, niscaya mereka tidak (juga) akan beriman, kecuali jika Allah menghendaki, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui".

(al-An'aam 6 : 111)

- v. Mereka yang kufur dengan Allah s.w.t. sekalipun telah dijelaskan kepada mereka segala tanda dan hujah tentang kebesaran Allah dan kebenaran Islam tetapi mereka tetap mahu menentang kebenaran Islam mengingkari hujah-hujah tentang keagungan Allah s.w.t. Sikap golongan majoriti ini telah pun terungkap sebanyak 2 kali dalam al-Quran iaitu pada surah al-Israa' ayat 89 dan surah al-Furqaan ayat 50.

"Dan sesungguhnya kami telah mengulang-ulang kepada manusia dalam Al Quran ini tiap-tiap macam perumpamaan, tapi kebanyakan manusia tidak menyukai kecuali mengingkari (Nya)."

(al-Israa' 17 :89)

"Dan sesungguhnya kami telah mempergilirkan hujan itu di antara manusia supaya mereka mengambil pelajaran (darinya, maka kebanyakan manusia itu tidak mahu kecuali mengingkari (nikmat)."

(al-Furqaan 25:50)

- vi. Mereka yang suka sangat bertelingkah dan bersikap menentang kebenaran al-Quran serta tidak mengambil peringatan terhadap apa yang telah ditimpakan oleh Allah s.w.t. ke atas hamba-hambaNya yang cuba menentang kekuasaanNya. Sikap golongan majoriti manusia sebegini telah disebut dalam al-Quran pada surah al-Kahfi ayat 54.

"Dan sesungguhnya kami telah mengulang-ulangi bagi manusia dalam Al Quran ini bermacam-macam perumpamaan, dan manusia adalah makhluk yang paling banyak membantah."

(al-Kahfi 18:54)

- vii. Mereka yang sangat benci kepada perkembangan dakwah Islam dan hakikat kebenarannya yang dibawa oleh Baginda Nabi Muhammad s.a.w. Sikap golongan majoriti yang sangat bencikan kepada perkembangan dakwah Islam ini bukan sahaja wujud pada zaman Nabi Muhammad S.A.W tapi wujud sepanjang zaman. Sikap mereka ini telah diungkapkan oleh al-Quran sebanyak 2 kali iaitu pada surah al-Zukhruf ayat 78 dan surah al-Mu'min ayat 70.

"Sesungguhnya kami benar-benar telah membawa kebenaran kepada kamu tetapi kebanyakan di antara kamu benci pada kebenaran itu."

(al-Zukhruf 43:78)

- viii. Mereka yang fasik yang menentang perintah Allah s.w.t. dan tidak mahu mentatiNya serta membohongi Allah Ta'ala. Perangai golongan majoriti ini telah pun terungkap sebanyak 4 kali dalam al-Quran iaitu pada surah Ali 'Imran ayat 110, surah al-Maidah ayat 59, surah al-A'raf ayat 102 dan surah al-Taubah ayat 8.

"Katakanlah: "Hai ahli kitab, apakah kamu memandang kami salah, hanya lantaran kami beriman kepada Allah, kepada apa yang diturunkan kepada kami dan kepada apa yang diturunkan sebelumnya, sedang kebanyakan di antara kamu benar-benar orang-orang yang fasik ?."

(al-Maidah 5: 59)

Kesimpulan

Dalam menyusuri kehidupan sebagai seorang pendidik, kita tidak akan sunyi dengan cabaran dan dugaan apabila

berhadapan dengan pelbagai kerentan pelajar. Semua itu akan menjadi satu sejarah yang cukup indah dalam diari kehidupan seseorang yang bergelar pendidik. Pelajar yang berada di bawah tanggungjawab seseorang pensyarah sama ada secara langsung atau pun sebaliknya akan mengambil nilai-nilai dari pensyarah. Kaitan yang cukup kuat ini memerlukan penampilan yang baik bagi semua staf akademik.

Di dalam Kitab Hidayatul al-Salikin (2000:38 – 41), dijelaskan adab-adab tenaga pengajar kepada pelajar, antara beberapa sifat yang dibincangkan ialah :

- i. Kesabaran yang tinggi dengan pelajar
- ii. Bersifat *al-Hilm* iaitu tidak cepat marah
- iii. Meninggalkan takabbur
- iv. Memilih tawaddu'

Oleh itu, sebagai tenaga pengajar yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kita semua mestilah menghayati konsep aktsariyyah ini dalam kehidupan. Semoga kita semua tidak termasuk ke dalam golongan yang dijelaskan oleh al-Quran seperti yang telah dibincangkan di atas. Dengan kefahaman dan penghayatan yang mendalam, insya'allah akan lahir dari UiTM amnya dan UiTM Pahang khasnya modal insan yang bertaqwa, yang akan memberi kesan positif dalam hidup di dunia dan juga di akhirat nanti.

Rujukan

Abu al-Fida' Ismail bin Umar bin Kathir al-Qurashi al-Dimashqi.(1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar Tibah.

Al-Quran.

Al-Quran al-Karim. (1990). *Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Ibrahim Mustafa, Ahmad Hassan al-Ziyat, Hamid Abd Qadir & Muhamad Ali Najar. (1989). *al-Mu'jam al-Wasiit*, Turki: Dar al-Da'wah. Muhammad Fuad al-Baqi, 1994. *al-Mu'jam al-Mufahras li alfaaz al-Quran al-Karim*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Imam Ahmad bin Hanbal al-Syaibani. (t.t). *Musnad Ahmad bin Hanbal*. Mesir: Universiti al-Azhar.

Mohammad Shatar Sabran, Jasni Sabri & Azali Mohamed. (2006). *19 Tip Pendidik Cemerlang*. Kuala Lumpur : Utusan Publication.

Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2000). *Hidayatul al-Salikin*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

SAIFUL JOHARI MUSAHAR & MOHD KAMAL AZMAN JUSOH, Universiti Teknologi MARA Pahang.
saifulj@pahang.uitm.edu.my, mkamal@pahang.uitm.edu.my